

ABDUL HALIM AHMAD,
MOHAMAD SUKERI BIN KHALID & YUSUF BIN PON

Ke Arah Pembangunan Mampan Setempat: Pelaksanaan *Local Agenda 21* oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia

RESUME: Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah memperkenalkan dasar pelaksanaan *Local Agenda 21* (LA21) mulai tahun 2000, dengan menjadikan empat buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai perintis pelaksanaan LA21. Tujuan utama pelaksanaan LA21 di peringkat PBT ialah untuk memastikan usaha ke arah pembangunan mampan di peringkat setempat berjaya dilaksanakan dengan kerjasama lestari di antara tiga pihak, iaitu PBT, masyarakat setempat, dan sektor swasta. Bagi merealisasikan dasar ini, KPKT pada tahun 2004 telah mengarahkan kesemua PBT di Malaysia untuk mewujudkan Jawatankuasa LA21 masing-masing dan merangka program pelaksanaannya. Namun, sehingga tahun 2011, masih terdapat PBT yang gagal merealisasikan dasar ini. Rentetan daripada masalah ini, kajian yang dijalankan berasaskan kajian kes di Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) Kedah adalah bertujuan mengenalpasti apakah faktor penyumbang kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21. Data kajian dikumpul melalui pendekatan temubual bersemuka bersama Pegawai LA21 dan Ahli Jawatankuasa LA21. Dapatan kajian mendapati bahawa punca kelewatan pelaksanaan dasar LA21 adalah kerana kekurangan maklumat berkaitan pelaksanaan LA21, kekurangan komitmen kakitangan PBT, masalah kekurangan peruntukan, dan masalah tidak mendapat kerjasama daripada pihak masyarakat setempat dan sektor swasta.

KATA KUNCI: Local agenda 21, jawatankuasa LA21, kerjasama lestari, pembangunan mampan setempat, dan kelewatan pelaksanaan dasar.

ABSTRACT: This paper entitled "Towards Local Sustainable Development: Implementation of Local Agenda 21 by Local Authorities in Malaysia". The Malaysian government, through the Ministry of Housing and Local Government, has introduced a policy of implementation of Local Agenda 21 (LA21) since 2000, with four Local Authorities as a pilot implementation of LA21. The main purpose of the implementation of LA21 in local authorities is to ensure that the pursuit of sustainable development at the local level successfully implemented by cooperation between the three parties, namely: local authorities, local communities, and the private sector. To realize this policy, the Ministry in 2004 had directed all local authorities in Malaysia to create their own LA21 Committee and drafting program execution. However, until 2011, there are still local authorities failed to realize this policy. The sequence of this problem, a study based on case studies in Kubang Pasu District Council in Kedah is aimed at identifying the factors that contributed to the delay in implementation of LA21. Data were collected through face to face interviews with Officers of LA21 and LA21 Committee. The results showed that the delay of LA21 policy implementation is due to lack of information regarding the implementation of LA21, the lack of commitment from the staff of local authorities, the problem of lack of provisions, and the problem is not getting the cooperation from the local communities and the private sector.

KEY WORD: Local agenda 21, the committee of LA21, mutual cooperation, sustainable development locally, and delay of policy implementation.

PENDAHULUAN

Local Agenda 21 (LA21) merupakan salah satu program yang diputuskan dalam sidang kemuncak UNCED (*United Nations Commission on Environment and Development*) pada tahun 1992, atau juga dikenali sebagai *Earth Summit* di Rio de Janeiro, Brazil. Salah satu aspek penting yang dibincangkan

adalah mewujudkan pembangunan yang seimbang, atau *sustainable development*, di peringkat tempatan. Persetujuan ini memerlukan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendedahkan kepada masyarakat setempat dan pihak swasta terhadap isu pembangunan seimbang (ICLEI, 1997).

Dr. Abdul Halim Ahmad, Dr. Mohamad Sukeri bin Khalid, dan Yusuf bin Pon ialah Pensyarah di Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa UUM (Universiti Utara Malaysia), Sintok, Kedah, Malaysia. Alamat emel penulis: sukeri@uum.edu.my

Pembangunan mampan merupakan salah satu agenda utama dunia amnya, dan kerajaan Malaysia khususnya, semenjak tahun 1990-an. Konsep pembangunan mampan mementingkan kesejahteraan rakyat yang bergantung kepada kemakmuran ekonomi, dan pembentukan insan yang hasratnya adalah keharmonian hidup bermasyarakat; serta penglibatan awam dalam proses perancangan dan pembangunan. Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan prinsip-prinsip pembangunan mampan dalam proses perancangan, pelaksanaan pembangunan, pentadbiran, penguatkuasaan, serta memberi kepentingan kepada penglibatan dan penyertaan masyarakat setempat dalam proses membuat keputusan.

Bagi menjayakan agenda di atas, penglibatan menyeluruh masyarakat yang terdiri daripada agensi kerajaan, masyarakat setempat, dan pihak swasta amatlah diperlukan. Penglibatan secara menyeluruh oleh semua pihak mampu mencapai kewujudan *Local Agenda 21* (selepas ini dikenali sebagai LA21).

Jika dilihat dari aspek pelaksanaan, LA21 di Malaysia telah dimulai pada tahun 2000 (Osman, Rashid & Ahmad, 2008). Empat buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dipilih sebagai perintis bagi memulakan program yang mempunyai agenda besar ini. PBT yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Majlis Perbandaran Miri (MPM), dan Majlis Daerah Kerian (MDK). Empat-empat PBT yang terpilih diberikan tanggungjawab besar bagi memastikan pelaksanaan program LA21 di Malaysia mampu memenuhi kehendak dan tujuan penubuhannya. Kejayaan keempat-empat PBT ini akan dijadikan tanda aras dan rujukan bagi PBT lain di Malaysia (KPKT, 2002).

Bagi merealisasikan pelaksanaan LA21, PBT yang terpilih perlu terlebih dahulu membentuk jawatankuasa. Jawatankuasa yang dibentuk adalah mengikut isu setempat. Jawatankuasa ini akan

dipengerusikan oleh pihak masyarakat sendiri yang secara sukarela menyertai program LA21. Jawatankuasa yang terbentuk bertanggungjawab merancang program-program yang bersesuaian dan perlu memikirkan strategi untuk menarik minat masyarakat setempat untuk melibatkan diri dan menjayakan program yang dirancang. Di antara contoh jawatankuasa yang dibentuk oleh PBT perintis ini ialah Jawatankuasa Alam Sekitar, Jawatankuasa Kemiskinan, Jawatankuasa Sosial, serta Jawatankuasa Lalulintas dan Perumahan.

Pelaksanaan LA21 telah dijadikan dasar kerajaan dan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), semua PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) di Malaysia telah diarah mewujudkan Jawatankuasa LA21 di peringkat PBT masing-masing mulai tahun 2004. Keperluan mewujudkan jawatankuasa LA21 adalah bertujuan untuk membolehkan aspirasi kerajaan, melalui pelaksanaan program LA21, dapat disemarakkan di seluruh negara. Namun, persoalan utama yang wujud ialah, sehingga kini, masih terdapat PBT yang dilihat gagal menyahut arahan dan cabaran KPKT, di mana wujudnya kelewatan di kalangan PBT untuk mewujudkan jawatankuasa LA21 dan merancang secara menyeluruh pelan tindakan program LA21 di PBT masing-masing.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah punca yang menyebabkan terdapatnya pihak PBT yang terlewat membentuk jawatankuasa LA21, walaupun arahan telah dikeluarkan oleh pihak KPKT sejak tahun 2004. Kegagalan pihak PBT menyahut arahan ini boleh menyebabkan hasrat menjadikan pelaksanaan LA21 di peringkat tempatan, sebagai salah satu *platform* pembangunan mampan setempat, tidak akan tercapai secara menyeluruh. Pengenalpastian punca dan penyebab atas kelewatan pembentukan jawatankuasa LA21 akan mampu membantu menyediakan cadangan bagi memastikan pihak PBT boleh bergerak ke arah

pembentukan jawatankuasa LA21 secara berkesan dan merangka pelan tindakan LA21 di peringkat setempat.

KONSEP AGENDA 21 DAN LOCAL AGENDA 21

Abad 21 ditempuhi dengan pelbagai cabaran, terutamanya yang bersangkutan dengan hal ehwal pembangunan ekonomi, fizikal, dan alam sekitar. Secara global, dunia berhadapan dengan isu yang berkaitan dengan alam sekitar, di mana pembangunan fizikal terus meningkat akibat daripada pertambahan populasi penduduk dunia yang memerlukan kepelbagaian sektor ekonomi terus berkembang. Perkembangan ini seterusnya mengundang berbagai masalah sosio-ekonomi, seperti kemiskinan bandar, penawaran perumahan yang rendah, masalah kesesakan lalu-lintas, kelaparan, kesihatan, buta huruf, dan lain-lain (Mohamad, 2003).

Kesedaran yang tinggi terhadap permasalahan tersebut telah membawa kepada satu Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Alam Sekitar dan Pembangunan atau UNCED (*United Nations Commission on Environment and Development*) pada Jun 1992, yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi (*Earth Summit*) di Rio de Janeiro, Brazil, yang telah mempersetujui lima dokumen utama, iaitu: (1) Perisytiharan Rio tentang Alam Sekitar dan Pembangunan; (2) Agenda 21; (3) Prinsip Perhutanan; (4) Konvensyen tentang Pelbagai Biologi; dan (5) Konvensyen Rangka Kerja tentang Perubahan Cuaca (Mohamad, 2003).

Manakala Agenda 21 diwujudkan bagi menangani masalah yang berkaitan kemiskinan, kebuluran, kesihatan, buta huruf, dan kemerosotan ekosistem yang mana manusia secara keseluruhannya mendapat manfaat hasil kewujudan ekosistem, yang terpelihara. Kini, Agenda 21 mengakui bahawa pembangunan mampan merupakan tanggungjawab kerajaan. Bagi tujuan pencapaian hasrat ini, ia memerlukan strategi, perancangan, dan dasar negara; serta membina jaringan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (KPKT, 2002).

Menurut ICLEI atau *International Council*

for Local Environmental Initiatives (1997), Agenda 21 merupakan pelan tindakan atau rangka tindakan induk (*blue print*) untuk membimbing kerajaan mencapai pembangunan mampan di peringkat antarabangsa, nasional, dan tempatan. Agenda 21 ini dijadikan asas tindakan yang komprehensif, yang perlu dilaksanakan di seluruh dunia, bukan hanya oleh pihak kerajaan tetapi semua pihak, termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, agensi pembangunan, pertubuhan kerajaan, dan bukan kerajaan, NGO's (*Non-Governmental Organizations*), dari pelbagai bidang kegiatan manusia yang mempunyai impak ke atas alam sekitar.

Menurut N. Mohamad (2003), dokumen Agenda 21 mempunyai 40 Bab yang boleh dikategorikan kepada empat bidang utama, seperti: *Bahagian 1*: Dimensi sosial dan ekonomi; *Bahagian 2*: Pemuliharaan dan Pengurusan Sumber untuk Pembangunan; *Bahagian 3*: Memperkukuhkan Peranan Kumpulan Utama, contohnya golongan wanita, kanak-kanak, badan bukan kerajaan, organisasi berasaskan masyarakat, dan pihak berkuasa tempatan; serta *Bahagian 4*: Kaedah Pelaksanaan.

Jika dirujuk Bab 28 Agenda 21 yang bertajuk "*Local Authorities Initiatives in Support of Agenda 21*", maka didapati kenyataan yang menyebut: "bahawa oleh sebab kebanyakan masalah dan penyelesaian yang ditangani oleh Agenda 21 berakar umbi dari kegiatan tempatan, maka penyertaan dan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan merupakan faktor penentu untuk mencapai matlamat dan objektif Agenda 21" (dalam Mohamad, 2003:31). Berdasarkan kenyataan ini, maka jelas menunjukkan bahawa PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) memainkan peranan besar bagi menjayakan Agenda 21 dan keperluan mengamalkan proses perundingan dengan masyarakat setempat untuk tujuan mencapai kata sepakat dan persetujuan amatlah penting dan perlu dilaksanakan.

Local Agenda 21 (LA21) pula sebenarnya berasaskan konsep Agenda 21, di mana ia merupakan agenda peringkat tempatan. Secara lebih khusus, LA21 adalah merujuk

kepada program tindakan tempatan/ setempat yang digariskan dengan strategi-strategi dan tindakan bagi tujuan menangani permasalahan dan isu berkaitan ekonomi, sosial, dan alam sekitar (ICLEI, 1997). Bab 28 Agenda 21, selanjutnya, menerangkan bahawa:

Each local authority should enter into a dialogue with its citizens, local organizations and private enterprises; and adopt "A Local Agenda 21". Through consultation and consensus-building, local authorities would learn citizens and from local, civic, community, business, and industrial organizations; and acquire the information needed for formulating the best strategies (dalam Mohamad, 2003:32).

Merujuk kepada petikan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan LA21 memerlukan penglibatan masyarakat setempat, sektor swasta, dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Kerjasama lestari perlu diwujudkan di antara mereka bagi merancang dan menguruskan persekitaran ke arah pembangunan mampan dengan hasrat meningkatkan kualiti hidup yang lebih selesa.

Jika melihat kepada struktur kerajaan, maka sudah pasti bahawa kewujudan PBT merupakan agensi kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat/orang awam. Justeru, PBT perlu memainkan peranan penting untuk mendidik dan memotivasikan masyarakat bagi meningkatkan pembangunan mampan setempat. Pendekatan pelaksanaan LA21 merupakan inisiatif terancang dalam usaha menyelesaikan isu dan permasalahan pembangunan mampan tempatan yang perlu dihadapi bersama dengan sokongan dan dokongan sektor swasta dan masyarakat setempat (Grubb *et al.*, 1993).

Menurut N. Mohamad (2003), terdapat beberapa penekanan yang ditonjolkan melalui pelaksanaan LA21, seperti mana berikut: (1) Perkongsian pintar di antara PBT, sektor swasta, dan masyarakat; (2) Penglibatan dan penyertaan masyarakat setempat dapat membantu mengenalpasti isu-isu berkaitan pembangunan mampan setempat serta membantu pembentukan pelan tindakan bagi tujuan menangani isu

berkenaan; serta (3) Pendekatan *bottom-up*, iaitu keperluan masyarakat setempat sendiri berusaha untuk melibatkan diri dalam menentukan pelan tindakan yang komprehensif dan terbaik dalam menangani isu setempat.

Selain itu, pelaksanaan LA21 juga sebenarnya berasaskan kepada beberapa prinsip LA21, sebagaimana yang dijelaskan di dalam *Agenda 21 Planning Guide: Local Agenda 21* (ICLEI, 1997). Di antara prinsip LA21 yang dimaksudkan adalah seperti berikut: (1) *Penyertaan dan ketelusan* – masyarakat setempat diberi peluang terlibat dalam proses membuat keputusan berkaitan pembangunan di peringkat perancangan, pengurusan, dan pelaksanaan; (2) *Usahasama dan kerjasama* – memupuk semangat berkerjasama berterusan di kalangan entiti yang berkepentingan; (3) *Kebertanggungjawaban* – semua pihak di peringkat tempatan bertanggungjawab bagi memastikan hasrat pembangunan mampan tercapai di peringkat setempat; (4) *Pendekatan menyeluruh* – mengambilkira pandangan menyeluruh dalam menangani isu setempat; (5) *Peka akan keupayaan alam sekitar* – perlu pastikan pembangunan fizikal setempat selari dengan keupayaan alam sekitar setempat; (6) *Kesatuan ekosistem* – menggunakan secara bijaksana akan sumber alam setempat; (7) *Kesaksamaan* – penglibatan semua pihak di semua peringkat tanpa ada diskriminasi; (8) *Mengambil berat masa hadapan* – perlu fokuskan keperluan masa hadapan dalam kegairahan pembangunan semasa; serta (9) *Hasil yang nyata* – pelan tindakan yang berteraskan kepada masalah sebenar bagi menghasilkan program LA21 yang tepat.

Prinsip LA21 di atas pada dasarnya adalah bersesuaian dengan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976 (Akta 172) yang memberi penekanan tanggungjawab kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) sebagai PBPT (Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) dalam mengatur, mengawal, dan merancang pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan dalam kawasannya. PBT perlu memastikan bahawa urusan pembangunan fizikal setempat

mengambil kira aspek-aspek ekonomi, sosial, dan persekitaran setempat (LoM, 1976).

Berdasarkan konsep LA21, yang amat menitikberatkan akan aspirasi pencapaian pembangunan mampan di peringkat tempatan, maka pihak kerajaan telah memperkenalkan dasar pelaksanaan LA21 di seluruh PBT di Malaysia pada tahun 2004. Ini bermakna bahawa PBT perlu mengambil langkah segera dengan menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana LA21 untuk memastikan pelaksanaan LA21 dapat dijalankan dengan jayanya.

Namun, masih terdapat PBT yang gagal menubuhkan Jawatankuasa LA21 dan kelewatan yang menyebabkan pencapaian dasar kerajaan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Menyedari akan hakikat kepentingan menjayakan aspirasi pelaksanaan LA21 ini, maka kajian ini¹ telah dijalankan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor penyumbang kepada kelewatan melaksanakan LA21 di peringkat PBT.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif, dimana penghuraian secara deskriptif dijalankan untuk menjelaskan tentang satu-satu isu permasalahan berhubung dengan kelewatan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) Kedah, Malaysia. Pemilihan MDKP Kedah sebagai kes kajian adalah kerana MDKP Kedah merupakan salah sebuah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang lewat menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana LA21 dan sekaligus lewat menjalankan pelaksanaan LA21 di Malaysia.

Bagi maksud kajian ini, pengkaji meneliti dengan lebih terperinci faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kelewatan

pelaksanaan program LA21 di MDKP Kedah, Malaysia. Data dan maklumat yang diperolehi, melalui pendekatan temubual, dianalisis dan dibentangkan secara diskriptif bagi tujuan pencapaian objektif kajian. Dalam kajian ini, kaedah analisis yang digunakan adalah melalui pendekatan diskriptif yang akan memerihalkan mengenai kelewatan pelaksanaan projek di bawah LA21 MDKP Kedah, Malaysia. Hasil daripada temubual dengan Pegawai LA21 di MDKP Kedah,² Pengerusi Jawatankuasa Pelan Tindakan LA21 MDKP Kedah,³ serta dua Ahli Jawatankuasa LA21 MDKP Kedah,⁴ akan dibincangkan dan dianalisis dengan lebih mendalam lagi.

Daerah Kubang Pasu di Kedah, Malaysia yang dipilih sebagai kajian kes merupakan salah sebuah daerah yang berpotensi untuk terus dibangunkan. Jika dilihat di sekitar Changlun dan Jitra, masih banyak tempat yang perlu dinaik-tarafkan untuk memastikan proses pembangunan dibawah pentadbiran MDKP berjalan dengan lebih cepat dan terancang. Kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah ini sedikit-sebanyak akan mempengaruhi perkembangan di sekitar Daerah Kubang Pasu, kerana pelaksanaan LA21 mampu menyumbang kepada pembangunan yang lebih seimbang.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, MDKP Kedah baru sahaja melaksanakan LA21 pada Januari 2011, sedangkan pelaksanaan LA21 sepatutnya perlu dilaksanakan pada tahun 2004. Kelewatan ini adalah disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan; dan perkembangan LA21 kini masih banyak yang perlu dipertingkatkan. Menyedari hakikat kepentingan LA21, Jawatankuasa Unit LA21 telah ditubuhkan di MDKP Kedah pada 19 Januari 2011 bagi menggiatkan lagi

¹Dapatan kajian ini, dalam bentuk *Power Points*, pernah dibentang dan dibincang dalam Persidangan Antarabangsa dengan tema "*Historical Awareness through Strengthening the National Pillars towards a Smart and Civilised Nation: Shared Experiences of Indonesia, Malaysia dan Brunie Darussalam*", anjuran pertubuhan ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia) di Bandung, Jawa Barat dan UVRI (Universitas Veteran Republik Indonesia) di Makassar, Sulawesi Selatan, di Hotel Singasana, Jalan Kajoaladido No.16, Kota Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia, pada tarikh 19-21 Mei 2013.

²Pegawai LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, selepas ini dikenali sebagai Responden I.

³Pengerusi Jawatankuasa Pelan Tindakan LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, selepas ini dikenali sebagai Responden II.

⁴Dua Ahli Jawatankuasa LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, selepas ini dikenali sebagai Responden III dan Responden IV. Mereka merupakan Ahli Jawatankuasa bagi jawatankuasa pelan tindakan kesihatan dan keselamatan.

usaha-usaha pelaksanaan LA21 di bawah pentadbiran MDKP.

Namun, penubuhan Jawatankuasa LA21 ini seperti tidak mendatangkan perubahan yang ketara kepada pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah. Malahan, MDKP Kedah juga menghadapi masalah dalam mendapatkan kerjasama dan bantuan dari pihak swasta dan NGO (*Non-Governmental Organization*) untuk meningkatkan perkembangan LA21 di sekitar MDKP Kedah.

Sebelum pelaksanaan LA21, pihak MDKP Kedah telah menjalankan beberapa aktiviti bersama masyarakat, seperti gotong-royong dua kali dalam sebulan. Tetapi ia tidaklah diwartakan sebagai salah satu program dibawah LA21. Walaupun MDKP Kedah telah mengetahui tentang kewujudan LA21, namun tidak mendapat maklumat yang sepenuhnya untuk melaksanakan LA21 di MDKP Kedah. Justeru, amatlah diharapkan pelaksanaan LA21 ini akan meningkatkan lagi kerjasama di antara MDKP Kedah dan masyarakat dalam memperbanyakkan lagi program-program yang berpandukan LA21.

Rekabentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kualitatif, dimana data kualitatif ini diperolehi melalui temubual; dan tumpuan soalan adalah terhadap faktor-faktor kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah, Malaysia. Pemilihan dan penentuan pendekatan kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif pula, kerana kajian ini memerlukan penerangan dan penjelasan bagi mencapai objektif kajian sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, iaitu mengenalpasti punca kelewatan pelaksanaan program-program LA21 di MDKP Kedah, Malaysia. Terdapat empat peringkat utama di dalam proses kajian yang dijalankan, sebagaimana berikut ini:

Pertama, Peringkat Kajian Awal.

Peringkat ini bertujuan untuk mengenalpasti isu dan permasalahan serta pembentukan objektif yang dapat melihat kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) tersebut. Pendekatan yang dijalankan adalah dengan mengumpul segala maklumat yang berkaitan dengan LA21 melalui pengumpulan bahan bercetak,

seperti kertas-kertas seminar, perangkaan, serta laporan-laporan sedia ada, seumpama melalui media elektronik dan laman-laman web yang berkaitan.

Kedua, Peringkat Sorotan Karya.

Peringkat ini adalah untuk memahami konsep LA21 (*Local Agenda 21*). Pemahaman yang jelas terhadap konsep LA21 membantu penyelidik untuk memahami objektif pembentukan *Local Agenda* itu sendiri, sama ada di peringkat global mahupun tempatan. Seterusnya, mengenalpasti peranan yang perlu dimainkan oleh pihak yang terlibat dalam menjayakan projek LA21 ini, seperti peranan pihak kerajaan, pihak swasta, dan peranan masyarakat setempat. Selaras dengan matlamat kajian, sorotan karya ini turut menjelaskan tentang prinsip-prinsip kepentingan LA2.

Ketiga, Peringkat Analisis Data dan

Dapatan Kajian. Responden kajian ini terdiri daripada Pegawai LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pelaksana LA21 MDKP Kedah, berserta dua orang Ahli Jawatankuasa LA21 MDKP Kedah. Pendekatan pengumpulan data adalah berasaskan temubual bersemuka. Data yang dikumpul dianalisis berasaskan tema yang berpandukan kepada persoalan kajian, seperti punca dan masalah kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah, Malaysia.

Keempat, Peringkat Rumusan dan

Cadangan. Peringkat ini merumuskan dapatan kajian dan menjelaskan akan pencapaian objektif kajian melalui rekabentuk kajian yang dihasilkan. Hasil dapatan kajian membantu pengkaji mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan bagi membantu pihak MDKP Kedah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, di masa hadapan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian, yang diperolehi hasil temubual yang dijalankan, dibentang mengikut tema persoalan kajian untuk

tujuan pencapaian objektif, sebagaimana berikut:

Mengenai Pemahaman Umum Responden Kajian terhadap Pelaksanaan LA21 (Local Agenda 21). Persoalan pertama yang diajukan ialah berasaskan kepada tema meninjau pandangan responden kajian terhadap pemahaman umum berkaitan LA21 di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia. Hasil temubual yang telah dijalankan bersama Responden I, apabila ditanya berkaitan elemen kefahaman terhadap LA21, beliau menyatakan bahawa:

Sememangnya, saya memahami tentang konsep dan kepentingan pelaksanaan LA21 di MDKP, dimana LA21 merupakan perkongsian pintar yang wujud di antara tiga pihak, iaitu MDKP, pihak swasta, dan masyarakat. Dalam perkongsian ini, kesemua pihak yang terlibat akan memainkan peranan masing-masing bagi memastikan sesuatu pembangunan dalam daerah Kubang Pasu, yang dapat memberi faedah kepada semua pihak yang berada di dalam daerah ini (temubual dengan Responden I, 7/4/2012).

Manakala Responden II (temubual 15/4/2012) dan Responden III (temubual 20/4/2012) juga turut menjelaskan bahawa mereka mengetahui akan peranan dan kepentingan pelaksanaan LA21, sebagaimana yang disarankan oleh pihak KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) Malaysia. Seterusnya, Responden I menyatakan seperti berikut:

Pelaksanaan LA21 di MDKP masih di peringkat permulaan dan belum ada aktiviti-aktiviti yang berunsurkan LA21 sepenuhnya dijalankan di bawah pentadbiran MDKP. MDKP telah melaksanakan LA21 pada awal tahun 2011 yang lalu. Ini adalah bertepatan dengan cadangan yang telah diberikan oleh KPKT dan telah memperolehi dana dari KPKT untuk melaksanakan LA21 di bawah pentadbiran MDKP. MDKP sepatutnya melaksanakan LA21 lebih awal, iaitu pada tahun 2004 seperti di lain-lain Negeri. Namun ada beberapa masalah yang menyebabkan MDKP terpaksa menangguhkan pelaksanaannya terlebih dahulu (temubual dengan Responden I, 7/4/2012).

Dalam hal yang berkaitan kelewatan pelaksanaan LA21, Responden II bersetuju dengan pandangan Responden I mengenai

wujudnya kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia. Namun secara peribadi, beliau beranggapan bahawa:

Masalah kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP adalah perkara biasa, dimana dalam perancangan melaksanakan sesuatu, pastinya ada masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. Bukan perkara mudah untuk membuatkan masyarakat memahami tentang sesuatu yang baru kepada mereka. Ianya pasti mengambil masa yang agak lama, kerana masyarakat sememangnya mengharapkan pihak MDKP untuk melaksanakan setiap program, dan mereka hanya akan mengikut sahaja (temubual dengan Responden II, 15/4/2012).

Responden II juga menyatakan bahawa walaupun pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di peringkat awal, beliau cuba memastikan ianya dapat dilaksanakan mengikut kemampuan yang ada. Justeru itu, apabila masyarakat memerlukan bantuan, jawatankuasa akan turun membantu, terutama dari segi prasarana. Menurut beliau lagi:

Terkini, mesyuarat jawatankuasa yang diadakan telah membincangkan tentang kebersihan di sekitar MDKP dan juga membincangkan mengenai pemindahan *TV Board* di hadapan pintu masuk Universiti Utara Malaysia (UUM) ke kawasan lain di MDKP. Ini adalah salah satu cara yang akan digunakan untuk pengiklanan kepada masyarakat berkenaan dengan LA21 dan sebagainya. Walaupun Jawatankuasa LA21 baru diwujudkan, pihak Jawatankuasa telah menjalankan tanggungjawab dalam pelaksanaan LA21. Diantaranya ialah Jawatankuasa menjadi orang tengah untuk mendapatkan Perakuan Kelayakan (CF) bagi taman-taman perumahan, mendapatkan sewaan, dan lain-lain masalah lagi. Ini menunjukkan bahawa Jawatankuasa telah menjalankan tanggungjawab masing-masing (temubual dengan Responden II, 15/4/2012).

Apabila disoal berkaitan kepentingan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) terhadap pembangunan mampan, semua Responden kajian bersetuju dan memahami akan hasrat pelaksanaan LA21 untuk tujuan pencapaian pembangunan mampan. Justeru, pendekatan LA21 yang perlu

mengambil kira pandangan oleh semua pihak sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan amat baik. Di bawah LA21 ini juga, konsep generasi yang ada kini hanya "meminjam" hak generasi yang akan datang. Ini membawa maksud bahawa setiap pembangunan yang dilaksanakan perlu mengambil kira kesejahteraan generasi yang akan datang (temubual-temubual dengan Responden I, 7/4/2012; Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Pembangunan mampan perlu melihat dari segala aspek, seperti ekonomi, sosial, kebudayaan, politik, pendidikan, dan lain-lain yang merangkumi keperluan kepada seluruh masyarakat di setiap peringkat umur. Sebagai contoh, dalam aspek ekonomi, pihak-pihak yang terlibat perlu merancang dan melaksanakan apa-apa program dan aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada sesebuah komuniti tersebut, seperti meningkatkan taraf hidup penduduk, sama ada dengan bantuan kewangan, pendidikan, peluang-peluang kerjaya, mahupun kemahiran-kemahiran yang diperlukan yang bersesuaian dengan era globalisasi kini.

Dapatan temubual juga mendapati bahawa semua Responden kajian memahami kewujudan LA21 ini merupakan *platform* bagi meningkatkan keterlibatan komuniti dalam perancangan dan pembangunan setempat di bawah pentadbiran majlis, bahkan ianya boleh digunakan sehingga ke peringkat Negeri dan seterusnya diperingkat Negara Malaysia (temubual-temubual dengan Responden I, 7/4/2012; Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Sebagaimana yang digariskan oleh KPKT atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2002) bahawa asas pelaksanaan LA21 melibatkan enam perkara penting, iaitu: (1) wawasan masyarakat, (2) perkongsian, (3) analisis isu berteraskan masyarakat, (4) pelan tindakan, (5) pelaksanaan dan pemantauan, serta (6) penilaian dan maklum balas. Semasa dalam proses menentukan wawasan masyarakat, penyatuan aspirasi pihak

yang berkepentingan perlu dicapai terlebih dahulu agar dapat mewujudkan hala tuju dan mandat bersama.

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan pemahaman terhadap pelaksanaan LA21, maka dapat disimpulkan bahawa kesemua Responden kajian memahami dan menerima kepentingan pelaksanaan LA21, sebagaimana yang disarankan oleh pihak KPKT. Mereka dapat melihat bagaimana kerjasama dan perkongsian pintar di antara masyarakat, sektor swasta, dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) mampu untuk memastikan usaha mencapai pembangunan mampan di peringkat tempatan boleh dicapai sekiranya wujud kesungguhan, kesedaran, dan kerjasama yang kukuh dan berterusan di kalangan entiti yang terlibat di dalam pelaksanaan LA21 (temubual-temubual dengan Responden I, 7/4/2012; Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Mengenai Analisis Punca Lelewatan Pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah, Malaysia. Sebagaimana yang telah dijelaskan, objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah punca berlakunya kelewatan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia. Hasil temubual yang dijalankan, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa punca yang menyumbang kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21 MDKP Kedah, sebagaimana berikut:

Pertama, Kekurangan Maklumat Berkaitan LA21. Dapatan kajian mendapati bahawa di antara punca yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia adalah kerana MDKP tidak mendapat maklumat yang secukupnya dari Kementerian dan tiada garis panduan untuk melaksanakan LA21 di MDKP Kedah. Menurut Responden I, maklumat berkaitan LA21 hanya tertumpu kepada projek perintis yang melibatkan empat buah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang telah memulakan pelaksanaannya pada tahun 2000. Beliau seterusnya menyatakan seperti berikut:

Ketika proses pelaksanaan itu, PBT yang terlibat sahaja yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan proses pelaksanaan LA21. Justeru, tidak hairanlah bilamana KPKT menyarankan seluruh PBT di Malaysia melaksanakan LA21 di peringkat pentadbiran masing-masing, terdapat PBT yang masih kabur termasuk MDKP (temubual dengan Responden I, 7/4/2012).

Manakala menurut Responden II, III, dan IV pula, mereka bersetuju dengan pandangan Responden I, kerana tanpa maklumat yang jelas, sememangnya sukar untuk melaksanakan LA21 (*Local Agenda 21*) ini. Mereka menegaskan bahawa sekiranya pihak pimpinan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) berminat dan bersungguh-sungguh, masalah kurangnya maklumat berkaitan pelaksanaan LA21 boleh diperolehi dengan meminta wakil KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) Malaysia hadir memberikan penerangan khusus, berkaitan pelaksanaan LA21 ini (temubual-temubual dengan Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan kurangnya maklumat daripada pihak KPKT untuk pelaksanaan LA21 adalah signifikan, kerana sememangnya pelaksanaan LA21 ini mempunyai proses dan tatacara yang telah diinstitusikan, iaitu terdapat enam proses utama yang harus dilalui, bermula dengan pembentukan wawasan masyarakat, perkongsian, analisis isu berteraskan masyarakat, pelan tindakan, pelaksanaan dan pemantauan, dan yang terakhir ialah penilaian dan maklum balas.

Kesemua proses ini bukanlah mudah untuk dilaksanakan sekiranya tidak memahami kaedah pelaksanaan bagi setiap proses tersebut (Mohamad, 2003). Ini adalah kerana semua proses melibatkan kerjasama masyarakat, sektor swasta, dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Sekiranya PBT sendiri tidak memahami akan pelaksanaan LA21, mana mungkin PBT mampu menyampaikan kepada pihak lain, yang sememangnya berada lebih jauh dengan persekitaran LA21 yang disarankan oleh KPKT Malaysia.

Kedua, Masalah Peruntukan. Selain daripada masalah kekurangan maklumat

berkaitan LA21 (*Local Agenda 21*) yang diterima daripada pihak KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP adalah disebabkan oleh masalah kewangan. Menurut Responden I, faktor kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah disumbangkan oleh faktor masalah kewangan. Beliau seterusnya menegaskan seperti berikut:

Tiada peruntukan yang berlebihan dari Kementerian untuk digunakan bagi pelaksanaan LA21 sewaktu kerajaan di bawah Barisan Nasional. Ini bermaksud tiada lebih peruntukan khusus yang disalurkan oleh Kementerian ke MDKP untuk tujuan pelaksanaan LA21. [...] Apabila Kerajaan Negeri bertukar tangan, daripada Kerajaan Barisan Nasional kepada Pakatan Rakyat, peruntukan yang diperolehi dari KPKT disalurkan ke Pejabat Pembangunan Negeri terlebih dahulu, dan kemudian barulah disalurkan ke MDKP. Tidak seperti dahulu, dimana peruntukan disalurkan terus ke MDKP dan ini akan membolehkan MDKP menggunakan sedikit dari peruntukan tersebut untuk mengadakan program di bawah LA21 (temubual dengan Responden I, 7/4/2012).

Berhubung dengan perkara yang sama, Responden II menegaskan bahawa situasi ini agak menyulitkan, kerana peruntukan khas untuk melaksanakan LA21 (*Local Agenda 21*) sememangnya tiada di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, dan MDKP perlu mencari peruntukan sendiri untuk menggerakkan program dibawah LA21 (temubual dengan Responden II, 15/4/2012).

Berdasarkan perbincangan di atas jelas membuktikan bahawa masalah kewangan sememangnya mampu membantutkan usaha pelaksanaan LA21. Jika merujuk kepada empat buah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang menjadi perintis projek LA21 di Malaysia, KPKT menyediakan sedikit peruntukan bagi permulaan dan PBT terlibat perlu mencari dana lain untuk menggerakkan pelaksanaan LA21 kemudiannya.

Justeru, penekanan terhadap kefahaman LA21 adalah amat penting, terutamanya

bagi sektor swasta, kerana kejayaan pelaksanaan LA21 amat bergantung kepada sumbangan dana daripada sektor swasta. Sekiranya sektor swasta tidak memahami tujuan LA21 di peringkat tempatan, maka sudah pasti sukar bagi pihak PBT, melalui Jawatankuasa LA21 yang diwujudkan, untuk bergerak kerana ketiadaan dana.

Semua entiti yang terlibat perlu memahami bahawa dasar pelaksanaan LA21 adalah berteraskan kepada perkongsian bestari di kalangan entiti yang terlibat, terutamanya sektor swasta yang mempunyai kemampuan kewangan boleh menyumbangkan kepada pelaksanaan LA21. Manakala masyarakat awam pulak boleh membantu pihak sektor swasta dengan melibatkan diri dengan aktiviti yang dijalankan, dan akhirnya seluruh masyarakat setempat dapat merasai faedah hasil pelaksanaan LA21.

Oleh yang demikian, tanggungjawab PBT dan Jawatankuasa LA21 adalah untuk menarik sektor swasta agar terlibat dalam pelaksanaan LA21, terutamanya dalam konteks bersedia untuk menyumbang dana bagi merealisasikan hasrat membina masyarakat yang seimbang, sihat, dan mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif dan bersifat mampan. Ketidadaan peruntukan yang mencukupi sememangnya boleh menjejaskan motivasi dan menggagalkan usaha pencapaian matlamat yang baik, sebagaimana yang digariskan didalam LA21.

Ketiga, Masalah Tiada Kerjasama di Kalangan Kakitangan MDKP. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) memainkan peranan yang penting untuk mengembeling usahasama di antara PBT, masyarakat setempat, dan sektor swasta dalam menjayakan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*). Ini bermakna bahawa PBT sewajarnya mempunyai motivasi yang tinggi untuk memastikan hasrat Kementerian untuk melihat semua PBT melaksanakan LA21 di bawah pentadbiran masing-masing.

Hasil dapatan kajian, melalui temubual yang dijalankan, mendapati bahawa terdapatnya masalah dalaman di dalam

MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, yang menyumbang kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah. Menurut Responden I:

Masalah kelewatan ini juga adalah disebabkan beberapa bahagian di MDKP yang tidak mahu menerima tanggungjawab untuk melaksanakan LA21 ini. Di peringkat awalnya, LA21 telah diserahkan ke bahagian Perancangan Bandar dan Desa, namun bahagian tersebut telah menolak dan menyerahkan pelaksanaan LA21 ke bahagian Pentadbiran. Namun, bahagian pentadbiran juga tidak mahu menerima tanggungjawab tersebut dan telah menolak pelaksanaan LA21 ke bahagian Perhubungan Awam sehingga kini (temubual dengan Responden I, 7/4/2012).

Berdasarkan dapatan kajian di atas, maka dapat dirumuskan bahawa penolakan penerimaan tanggungjawab di kalangan jabatan/unit di dalam MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah untuk menerajui pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) sememangnya menyumbang kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah. Menurut N. Mohamad (2003), di peringkat awal projek perintis dijalankan oleh empat buah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang dipilih oleh pihak Kementerian pada tahun 2000, meletakkan tanggungjawab menerajui pelaksanaan LA21 di bawah Bahagian Perancang, seperti Majlis Daerah Kerian dan terdapat juga PBT yang memberikan tanggungjawab kepada Bahagian Pentadbiran. Penerimaan kakitangan majlis untuk merealisasikan dasar pelaksanaan LA21 terlalu signifikan, kerana ia dilihat merupakan tambahan bebanan kerja kepada unit atau jabatan yang terlibat (Mohamad, 2003).

Perkara yang lebih utama ialah pimpinan sesebuah PBT haruslah tegas dan melihat realiti pelaksanaan LA21 yang memerlukan satu unit/bahagian di dalam organisasinya bertindak sebagai unit/jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan LA21. Unit/bahagian yang dilantik perlu membentuk jawatankuasa di peringkat PBT dengan memastikan semua unit/bahagian bekerjasama dalam pelaksanaan LA21.

Menurut Responden II, III, dan IV,

situasi penolakan ini wujud kerana warga MDKP Kedah pada ketika itu masih lagi belum memahami sepenuhnya konsep dan kepentingan pelaksanaan LA21 di mana PBT memainkan peranan yang cukup penting dalam menjamin kejayaan pelaksanaannya. Mereka juga bersetuju bahawa tanggungjawab sebagai badan pelaksana boleh dianggap sebagai beban tambahan terhadap kerja hakiki mereka. Justeru, berlakunya penolakan tanggungjawab di kalangan warga MDKP Kedah di peringkat awal LA21 diperkenalkan (temubual-temubual dengan Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian membuktikan ketidaksediaan warga MDKP Kedah sendiri untuk menerima tanggungjawab sebagai peneraju kepada pelaksanaan LA21, sememangnya mampu menyebabkan berlakunya kelewatan pelaksanaan LA21. Sekiranya di kalangan warga MDKP Kedah sendiri mengambil sikap menolak tanggungjawab itu, mana mungkin pihak MDKP Kedah mampu untuk menarik minat masyarakat dan sektor swasta untuk menganggotai jawatankuasa LA21 yang dibentuk bagi tujuan pelaksanaan LA21 di MDKP Kedah, Malaysia.

Keempat, Masalah Kesukaran untuk Mendapatkan Kerjasama daripada Pihak Masyarakat Setempat dan Sektor Swasta.

Dapatan kajian seterusnya mendapati bahawa di antara faktor lain yang menyumbang kepada masalah kelewatan pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah ialah kerana kekurangan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan pelaksanaan LA21. Ini kerana mereka masih tidak memahami tentang LA21 secara sepenuhnya dan mereka hanya memahami bahawa MDKP Kedah perlu melaksanakan LA21, sedangkan mereka sebenarnya perlu memainkan peranan dan bekerjasama dengan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) di dalam menjayakan pelaksanaan LA21 tersebut.

Menurut kesemua Responden, pada masa ini, terdapat 28 taman perumahan di bawah

LA21, di bawah pentadbiran MDKP Kedah. Namun, untuk mendapatkan kerjasama mereka dalam program yang diadakan agak kurang memberangsangkan. Melainkan, mereka sendiri yang meminta bantuan dari pihak MDKP Kedah untuk melaksanakan sesuatu program, seperti gotong-royong, maka pihak MDKP Kedah akan menyumbang sedikit peruntukan kewangan bagi menjayakan program tersebut (temubual-temubual dengan Responden I, 7/4/2012; Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Pendekatan sedemikian rupa adalah salah satu cara yang digunakan oleh MDKP Kedah untuk menarik minat masyarakat setempat dalam melibatkan diri bagi menjayakan pelaksanaan LA21. Kesemua Responden turut bersetuju bahawa pihak swasta tidak memberikan kerjasama yang memberangsangkan dalam pelaksanaan LA21. Pihak swasta seharusnya perlu memberikan sedikit sumbangan kewangan untuk menjayakan pelaksanaan LA21 ini, namun tiada sebarang reaksi positif yang diperolehi dari pihak swasta sehingga kini. Situasi seumpama ini wujud kerana berkemungkinan pihak sektor swasta kurang yakin untuk memberikan dana kepada MDKP Kedah bagi melaksanakan LA21, kerana berfikiran bahawa mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan dari pelaksanaan tersebut (temubual-temubual dengan Responden I, 7/4/2012; Responden II, 15/4/2012; Responden III, 20/4/2012; dan Responden IV, 27/4/2012).

Dapatan kajian sebagaimana di atas adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh N. Mohamad (2003) berkaitan penerimaan dan penyertaan masyarakat melalui pendekatan LA21 di Majlis Daerah Kerian (MDK). Beliau menegaskan bahawa tahap penglibatan masyarakat masih tidak menyeluruh dan tahap pemahaman mereka terhadap LA21 juga masih rendah. Penyertaan daripada sektor swasta pula jauh lebih kecil berbanding dengan penglibatan masyarakat. Manakala M.M. Osman, S.N. Syed Rashid dan N. Ahmad (2008) pula menegaskan perkara yang sama, berkaitan tahap

penglibatan masyarakat yang masih kurang didalam isu dan proses pelaksanaan LA21 di Petaling Jaya, Malaysia.

Berdasarkan huraian di atas, kaedah pelaksanaan LA21 dan kejayaan pelaksanaannya amat bergantung kepada kerjasama lestari di antara PBT (Pihak Berkuasa Tempatan), masyarakat setempat, dan sektor swasta, sebagaimana yang dibincangkan di awal artikel ini. Tugas memahami masyarakat dan sektor swasta terletak di atas kesungguhan PBT dengan mengambil pendekatan yang proaktif di peringkat tempatan. Saluran media massa dan media elektronik boleh digunapakai dalam usaha mempromosikan LA21 dan kepentingannya. Manakala pendekatan *win-win situation* boleh dijalankan untuk mendekati sektor swasta agar melibatkan diri dengan pelaksanaan LA21, dimana mereka boleh merasakan bahawa kehadiran sektor swasta amat diperlukan dan ianya merupakan satu keperluan mendesak dalam menjayakan aspirasi pelaksanaan LA21 di peringkat tempatan.

CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji, yang dirasakan mampu untuk membolehkan usaha melaksanakan LA21 (*Local Agenda 21*) dapat jalankan dengan jayanya, sepertimana berikut:

Pertama, Program Pendidikan dan Kesedaran. Langkah menganjurkan program berbentuk pendidikan dan kesedaran di kalangan masyarakat setempat dan kakitangan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) perlu diperluaskan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) boleh bekerjasama dengan PBT untuk menganjurkan program-program berbentuk pendidikan dan kesedaran.

Program seumpama ini membantu memberi kesedaran kepada masyarakat dan kefahaman yang diperolehi akan membolehkan masyarakat berminat melibatkan diri dengan pelaksanaan LA21. Manakala bagi kakitangan PBT sendiri, program berbentuk pendidikan dan kesedaran ini mampu meningkatkan

motivasi di kalangan kakitangan PBT untuk menerima beban pelaksanaan LA21 sebagai peluang membantu menjayakan aspirasi negara dan penglibatan mereka mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat.

Kedua, Publisiti dan Hebahan.

Pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) bertujuan untuk memastikan pembangunan mampan di peringkat tempatan, yang meliputi aspek sosial, ekonomi, dan alam sekitar tercapai. Pembangunan mampan mampu meningkatkan mutu kehidupan masyarakat, memperbaiki persekitaran kehidupan, dan merangsang peluang pekerjaan. Ini bermakna bahawa pembangunan mampan berkeupayaan memenuhi keperluan semasa serta masa depan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi, sosial, dan alam sekitar demi kesejahteraan bersama tanpa menjejaskan keperluan generasi mendatang.

Ini bermakna pula bahawa pelaksanaan LA21 menyumbang kepada kebaikan masyarakat setempat dan usaha mempromosikan LA21 secara lebih meluas perlu dilaksanakan. Usaha promosi yang lebih giat akan membantu masyarakat dan pihak swasta lebih memahami bahawa program tersebut dapat memberikan manfaat kepada mereka. Untuk menjimatkan kos promosi, maka dicadangkan agar PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) menjalankan kerja-kerja publisiti dan hebahan bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Ketiga, Meningkatkan Penyertaan Sektor Swasta untuk Meningkatkan Sumbangan Kewangan. Menyedari hakikat keperluan dana dalam melaksanakan LA21 (*Local Agenda 21*), penglibatan sektor swasta menjadi satu keperluan mendesak. Justeru, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) perlu berusaha menarik minat sektor swasta untuk melibatkan diri dengan aktiviti LA21, dengan menyakinkan mereka bahawa kejayaan pelaksanaan LA21 akan memberikan kesan terhadap perkembangan ekonomi setempat, yang secara tidak langsung akan membantu mengembangkan perniagaan mereka.

Penglibatan sektor swasta secara

langsung dengan aktiviti LA21 akan membolehkan sumbangan dana disalurkan secara berterusan bagi memastikan aktiviti LA21 terus berkembang. Di antara pendekatan yang boleh diambil bagi menarik minat sektor swasta melibatkan diri dengan pelaksanaan LA21 ialah dengan mengadakan bengkel-bengkel yang mewajibkan setiap organisasi swasta setempat dan NGO (*Non-Governmental Organization*) menghantar wakil bagi memperolehi maklumat berkaitan LA21. Melalui bengkel ini, PBT perlu memberikan penerangan yang lebih terperinci dan mampu meyakinkan akan kepentingan sektor swasta melibatkan diri dalam pelaksanaan LA21.

KESIMPULAN⁵

Pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di semua PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) di Malaysia merupakan agenda penting dalam memastikan usaha pembangunan mampan setempat dapat direalisasikan. Justeru, kefahaman terhadap konsep dan proses pelaksanaan LA21, serta kepentingannya, perlu disebar-luaskan agar masyarakat setempat dan sektor swasta menyedari dan menerima konsep pelaksanaan LA21, dan meyakini pula bahawa usaha ini mampu membawa perubahan yang positif kepada semua. Penglibatan PBT, masyarakat setempat, dan sektor swasta merupakan pemangkin paling utama, kerana sekiranya tiada kerjasama lestari dan berterusan di antara ketiga-tiga entiti ini, maka hasrat pencapaian aspirasi menghasilkan pembangunan mampan setempat tidak akan dapat direalisasikan.

Memang tidak dinafikan bahawa

⁵Rakaman setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai LA21 (*Local Agenda 21*) Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) Kedah dan Ahli Jawankuasa *Local Agenda 21* MDKP Kedah yang sudi memberikan kerjasama membantu menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perundingan UUM (Universiti Utara Malaysia) di Sintok, Kedah, di atas komitmen yang diberikan dalam membantu pasukan penyelidik dalam menyiapkan kajian ini melalui pembiayaan dana penyelidikan daripada UUM. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam dapatan penyelidikan ini menjadi tanggungjawab akademik kami (para penulis), dan tiada wujud hubung-kait dengan semua bantuan daripada mereka.

pelaksanaan LA21 bukanlah merupakan perkara yang mudah, kerana terdapat banyak halangan yang perlu ditempuhi. Namun, sekiranya semua pihak saling bekerjasama dan memberikan komitmen yang padu serta berterusan, maka segala halangan akan mampu diharungi dengan jayanya. PBT sebagai entiti utama di dalam pelaksanaan LA21 perlu memainkan peranan yang pro-aktif dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran masyarakat untuk melibatkan diri secara sukarela dan berterusan, demi memastikan pembangunan mampan setempat direalisasikan dan tercapai dengan jayanya.

Bibliografi

- Grubb, M. et al. (1993). *The Earth Summit Agreements: A Guide and Assessment*. London: The Royal Institute of International Affairs, Earthscan Publications Ltd.
- ICLEI [International Council for Local Environmental Initiatives]. (1997). *Local Government Implementation of Local Agenda 21*. Toronto, Canada: International Council for Local Environmental Initiatives.
- KPKT [Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]. (2002). *Buku Panduan dan Kajian Kes Local Agenda 21 Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- LoM [Law of Malaysia]. (1976). *Akta Perancangan Bandar dan Desa*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mohamad, N. (2003). "Penerimaan dan Penyertaan Masyarakat Melalui Pendekatan *Local Agenda 21*: Kes Kajian Majlis Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan". *Unpublished Thesis*. Johor Baharu: UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Osman, M.M., S.N. Syed Rashid & N. Ahmad. (2008). "Local Agenda 21 in Malaysia: Issues and Problem Faced by the Stakeholder in the Participation Process" in *Proceedings of Ecocity World Summit*.
- Temubual dengan Responden I, selaku Pegawai LA21 (*Local Agenda 21*) di MDKP (Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, pada tarikh 7 April 2012.
- Temubual dengan Responden II, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelan Tindakan LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, pada tarikh 15 April 2012.
- Temubual dengan Responden III, selaku Ahli Jawatankuasa 1 LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, pada tarikh 20 April 2012.
- Temubual dengan Responden IV, selaku Ahli Jawatankuasa 2 LA21 MDKP (*Local Agenda 21* Majlis Daerah Kubang Pasu) Kedah, Malaysia, pada tarikh 27 April 2012.



Local Agenda 21 di Malaysia
(Sumber: www.google.com, 30/8/2013)

Pelaksanaan LA21 (*Local Agenda 21*) di semua PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) di Malaysia merupakan agenda penting dalam memastikan usaha pembangunan mampan setempat dapat direalisasikan. Justeru, kefahaman terhadap konsep dan proses pelaksanaan LA21, serta kepentingannya, perlu disebar-luaskan agar masyarakat setempat dan sektor swasta menyedari dan menerima konsep pelaksanaan LA21, dan meyakini pula bahawa usaha ini mampu membawa perubahan yang positif kepada semua.